

Berita Harian (19.1.2008)

Lantikan Ketua Eksekutif

TRADEWINDS Corporation Bhd. mengumumkan pelantikan Shaharul Farez Hassan sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan berkuat kuasa 2 Januari lalu.

Shaharul Farez yang sebelum ini Ketua Eksekutif Tradewinds Hotels & Resorts Sdn Bhd, anak syarikat Tradewinds, menggantikan Azlan Abdullah yang dilantik Ketua Eksekutif Kumpulan Tradewinds (M) Bhd.

Sebelum ini, Shaharul Farez pernah bertugas di Arthur Andersen, Amanah Merchant Bank dan Malaysian Resources Corporation Bhd.